



*Siaran*

# **AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100-2/1/2 JLD 3 (64) 04/06

## **MAJLIS PENYAMPAIAN PINGAT JASA MALAYSIA (PJM)** **PERINGKAT NEGERI PERAK**

Taiping, Perak - Timbalan Menteri Pertahanan, YB Senator Liew Chin Tong telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Pingat Jasa Malaysia (PJM) Peringkat Negeri Perak yang diadakan di Hotel Taiping Perdana hari ini. Majlis ini merupakan kali keempat dalam siri penganjurannya bagi tahun 2019.

Seramai 500 veteran ATM dianugerahkan pingat berkenaan menjadikan keseluruhan seramai 26,609 veteran ATM telah menerima PJM tersebut. Pemberian pingat ini merupakan satu pengiktirafan terhadap jasa dan bakti yang dicurahkan oleh pejuang-pejuang tanah air dalam mempertahankan keselamatan negara.

Bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan veteran ATM sentiasa terpelihara, Kementerian Pertahanan telah memfokuskan kepada dua usaha utama iaitu membuka peluang kerjaya kedua kepada veteran muda dengan kerjasama agensi kerajaan dan sektor swasta serta menambahbaik bantuan kebajikan kepada veteran dan tanggungan yang layak.

Di samping itu, Kerajaan juga telah memperuntukan sebanyak RM500,500.00 kepada persatuan-persatuan veteran ATM yang layak dalam usaha memperkasakan persatuan-persatuan veteran ini. Sehingga Mei 2019 sebanyak 53 persatuan yang layak daripada 143 persatuan induk yang didaftarkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM telah menerima bantuan khas tersebut.

Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM79,684,000.00 bagi tujuan pelaksanaan inisiatif Bantuan Harapan Negara (BHN) yang mula dibayar pada 27 Mei 2019. Semua inisiatif yang dirangka adalah merupakan usaha berterusan Kementerian dan Kerajaan dalam menjaga kebajikan veteran-veteran ATM.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Staf Markas ATM, Leftenan Jeneral Dato' Kamarulzaman bin Othman TUDM, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertahanan, Encik Ahmad Nadzri bin Mohd Hassan dan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM, Mejar Jeneral Dato' Dzulkarnain bin Ahmad,

- Tamat -